



NAJIB Tun Razak bersalam dengan felo-felo Menteri pada majlis Penyerahan Peserta Program Felo Perdana Kepada Menteri-Menteri Kabinet di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Oleh HASHNAN ABDULLAH

kampus@utusan.com.my

KEWUJUDAN program Felo Perdana kendalian Kementerian Belia dan Sukan (KBS) adalah selaras dengan impian Perdana Menteri, **Datuk Seri Najib Tun Razak** yang mahu mewujudkan hubungan lebih rapat antara kerajaan dengan golongan muda.

Najib ketika berucap di Majlis Penyerahan Felo Perdana kepada Menteri-Menteri Kabinet di Kuala Lumpur baru-baru ini menyifatkan peserta program itu sebagai 'jurucakap tidak rasmi' bagi kerajaan untuk tujuan itu.

"Apabila saya berbicara dengan sebahagian daripada orang muda, mereka beritahu pada saya bahawa mereka tak tahu apa yang kerajaan buat. Saya merasakan kita belum 'connected' (berhubung) dengan orang muda."

"Melalui program itu, saya harap program tersebut akan ada 'well-connected' (hubungan yang baik) dengan orang-orang muda," katanya.

Bagi Menteri Belia dan Sukan, **Khairy Jamaluddin**, tujuan program Felo Perdana terbabit untuk memberi anak muda Malaysia yang cemerlang dan berbakat, pengalaman secara langsung dalam urusan tadbir negara.

"Peserta Felo akan bertugas di peringkat tertinggi dalam Kerajaan Persekutuan dengan membantu Menteri Kabinet melaksanakan agenda nasional," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Putrajaya, baru-baru ini.

Bagaimanapun, Khairy memberi jaminan bahawa 70 orang graduan yang terpilih untuk program itu adalah yang terbaik.

"Kami menerima permohonan sebanyak 700 dan hanya 150 orang berada dalam senarai terakhir tetapi daripada jumlah itu, hanya 70 sahaja terpilih."

"Pemilihan mereka itu dibuat berdasarkan tahap kepimpinan dan kesungguhan yang ditonjolkan oleh para pemohon," katanya.

Felo Perdana

Ruang untuk graduan memahami aspirasi negara selain mewujudkan hubungan yang lebih rapat antara kerajaan dengan golongan muda



NAJIB Tun Razak (tengah) bersama barisan menteri kabinet bergambar dengan Felo-felo Menteri pada majlis Penyerahan Peserta Program Felo Perdana Kepada Menteri-Menteri Kabinet di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

→ "PROGRAM tersebut dapat memberi peluang kepada peserta untuk melihat dan memahami bagaimana proses pentadbiran negara dijalankan. Kalau di kampus, kita berurusan dengan mereka yang setaraf dari segi pendidikan tetapi dalam kerajaan, idea atau pandangan kita perlu sesuai untuk semua lapisan masyarakat."

MOHD. HAFIZ ARIFFIN

Graduan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



→ "PROGRAM Felo Perdana adalah salah satu platform untuk membentuk generasi muda menjadi pemimpin yang benar-benar berjiwa rakyat di masa depan. Walaupun tempoh khidmat kami sementara sahaja tetapi program itu memberi peluang seluas-luasnya untuk generasi muda memahami aspirasi rakyat terhadap perkhidmatan kerajaan."

IZHAM ISMAIL

Graduan Ijazah Undang-Undang, Universiti Malaya



→ "PROGRAM ini perlu diteruskan bagi memberi peluang lebih ramai para graduan tempatan berkhidmat dengan kerajaan."

SYAHIRATUL NADIAH SALLEH HUDDIN

Graduan Universiti Teknologi Mara



→ "WALAUPUN khidmat itu untuk tempoh enam bulan sahaja tetapi pendedahan sebegini memberikan graduan keyakinan untuk berkhidmat dengan masyarakat bila tamat habis pengajian."

NUR ADILLA ABD. RAHIM

Graduan University of Washington



Sertai kami

facebook

Helo Kampus

e-mel: kampus@utusan.com.my